



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**PEGAWAI UGAMA KANAN (B.3)  
KEMENTERIAN HAL EHVAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Hal Ehwal Ugama.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI UGAMA KANAN  
KEMENTERIAN HAL EH WAL UGAMA  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Al-Quran / Bahasa Arab / Pengajian Islam / Syariah / Usuluddin atau dalam bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwel Ugama sebagai Pegawai Ugama atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

2. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwel Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab adalah kelebihan.
4. Boleh membaca dan menulis jawi.
5. Mempunyai rekod yang bersih daripada kesalahan-kesalahan syariah.
6. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**DI BAHAGIAN KEMAJUAN SYIAR ISLAM**

1. Mengetuai dan memimpin Pegawai serta Kakitangan di Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwel Ugama;
2. Bertanggungjawab dalam hal ehwal perancangan, perkembangan dan pembangunan Bahagian Kemajuan Syiar Islam berhubung dengan:
  - i) Sumber Tenaga Manusia Bahagian Kemajuan Syiar Islam;
  - ii) Hal ehwal perjawatan Bahagian Kemajuan Syiar Islam;



- iii) Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara / Kebangsaan dan Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Dewasa Kebangsaan;
  - iv) Acara-acara Iringan bersempenakan Hari-Hari Kebesaran Islam; dan
  - v) Aktiviti-aktiviti Kementerian Hal Ehwal Ugama yang tertentu.
3. Bertanggungjawab mengawasi semua pentadbiran dan kebijakan Pegawai dan Kakitangan Bahagian Kemajuan Syiar Islam;
  4. Bertanggungjawab memastikan semua majlis / aktiviti yang dikendalikan Bahagian Kemajuan Syiar Islam berjalan dengan lancar;
  5. Bertanggungjawab menyediakan anggaran belanjawan tahunan dan mengawal perbelanjaan Bahagian Kemajuan Syiar Islam;
  6. Bertanggungjawab membuat cadangan dan sokongan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Bahagian Kemajuan Syiar Islam untuk:
    - i) Kenaikan pangkat;
    - ii) Memangku jawatan yang kosong;
    - iii) Menerima Bintang dan Pingkat Kebesaran Negara Brunei Darussalam; dan
    - iv) Penerimaan anugerah.
  7. Bertanggungjawab ke atas penilaian prestasi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Bahagian Kemajuan Syiar Islam;
  8. Portfolio dalam Majlis:
    - i) Selaku Ketua Urusetia Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara / Kebangsaan, Acara-acara Iringan dan Aktiviti-aktiviti Kementerian Hal Ehwal Ugama yang dilantik;
    - ii) Penolong Setiausaha bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam dan Musabaqah Al-Quran;
    - iii) Ahli Jawatankuasa bertindak Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam dan Musabaqah Al-Quran;
    - iv) Timbalan Penggerusi Jawatankuasa Kerja Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah Peringkat Negara, Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassallam Peringkat Negara, Ketua Urusetia Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassallam, Musabaqah membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan, Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara, Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara; dan
    - v) Penggerusi bersama Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan.
  9. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pihak atasan Kementerian Hal Ehwal Ugama.